


<p>BAHAGIAN PELESENAN</p>	<p>SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN KAKI LIMA DI HADAPAN DAN TEPI PREMIS DI KAWASAN MDTM</p>	<p>SL 16</p>	
--------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------	-------------------------------------------------------------------------------------

1.0. PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA DI ATAS KAKI LIMA

- 1.1. Setiap penggunaan kaki 5 premis perniagaan dikenakan permit perniagaan sementara.
- 1.2. Premis-premis yang dibenarkan adalah premis yang menjalankan aktiviti perniagaan seperti berikut :-
 - a. kedai pakaian
 - b. kedai runcit
 - c. kedai buku
 - d. kedai barangan plastik
 - e. Lain-lain aktiviti yang tidak mendatangkan masalah kebersihan dan kacau ganggu.
- 1.3. Luas kaki lima yang dibenarkan hanyalah untuk 2 kaki sahaja. 3 kaki lebihan kaki lima hendaklah dikosongkan bagi tujuan laluan awam.
- 1.4. Menjelaskan permit perniagaan RM 5.00 x 1 hari x 1 premis.
- 1.5. Pengusaha adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan tiada sebarang aduan dan permasalahan berhubung penggunaan kaki lima ini.
- 1.6. Sekiranya dalam tempoh pemberian permit perniagaan di atas kaki lima ini terdapat aduan atau apa-apa kacauganggu kepada premis berhampiran, atau mana-mana orang awam atau persekitaran, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan mengikut peruntukan yang ada dan permit perniagaan yang diberi akan dibatalkan.

- 1.7. Pihak MDTM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos kerosakan, perpindahan atau kemalangan kepada peniaga, pelanggan atau mana-mana orang awam sekiranya berlaku sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan di atas kaki lima ini. Pihak pengusaha juga tidak boleh mengemukakan sebarang tuntutan, bayaran atau yang berkaitan kepada pihak MDTM terhadap apa-apa permasalahan yang berlaku sepanjang tempoh pemberian permit ini.
- 1.8. Peniaga yang ingin memohon permit perniagaan sementara di atas kaki lima ini perlu menandatangani Surat Akuan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah berhubung peruntukan syarat dan pihak peniaga perlu bertanggungjawab terhadap apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku disebabkan oleh perletakan barang di atas kaki lima ini.
- 1.9. Permit yang diberi perlu diperbaharui setiap bulan.
- 1.10. Mematuhi undang-undang dan arahan pihak MDTM daripada masa kesemasa.

PENGAKUAN

Bahawa saya
 No. Kad Pengenalan mengaku telah menerima dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas.

Tarikh :

Tandatangan :

SURAT AKUAN BERKANUN

Saya, (No. K.P.) yang
beralamat di
..... dan menjalankan perniagaan di
.....
(selepas ini dirujuk sebagai “**Premis tersebut**”) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa :

- 1) Saya hanya akan menggunakan 2 kaki daripada kaki lima di hadapan Premis tersebut seperti yang dinyatakan dalam kebenaran yang diberikan dalam permit perniagaan di kaki lima;
- 2) Saya bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aduan mengenai penggunaan kaki lima di hadapan Premis tersebut;
- 3) Sekiranya sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan di kaki lima premis tersebut terdapat sebarang aduan atau apa-apa kacauganggu kepada premis berhampiran, atau orang-orang awam atau persekitaran, tindakan penguatkuasaan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim (selepas ini dirujuk sebagai “**MDTM**”) akan dikenakan menurut peruntukan undang-undang yang berkaitan dan permit perniagaan tersebut boleh dibatalkan;
- 4) Pihak MDTM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang liabiliti dan tuntutan bagi sebarang kos yang berkaitan kerosakan, perpindahan atau kemalangan sekiranya ada sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan di atas kaki lima.
- 5) Saya juga tidak akan mengemukakan sebarang tuntutan, bayaran atau apa-apa kos berkaitan kepada pihak MDTM terhadap sebarang permasalahan yang berlaku sepanjang tempoh pemberian permit ini;
- 6) Saya sesungguhnya faham dan mempunyai pengetahuan bahawa permit perlu diperbaharui setiap bulan; dan
- 7) Saya berjanji akan mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh MDTM dari semasa ke semasa.

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar, serta menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas
.....
di.....
di Negeri.....
pada..... 20

Di hadapan saya,

.....
(*Tandatangan Hakim
Mahkamah Sesyen, Majistret
atau Pesuruhjaya Sumpah*)